

Pusat Pendidikan Yayasan Terengganu (PPYT)

Latar Belakang

PPYT ditubuhkan pada 1980an adalah bertujuan membantu pelajar Negeri Terengganu yang tercicir di dalam peperiksaan awam bagi tujuan melayakkan mereka menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di pusat-pusat pengajian terpilih.

PPYT merupakan sebuah institusi pendidikan Peringkat Menengah Atas yang menawarkan tempat belajar kepada pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di bawah kelolaan Kerajaan Negeri Terengganu melalui Yayasan Terengganu.

Terdapat dua (2) buah PPYT di bawah penyeliaan dan pentadbiran Bahagian Pembangunan Pendidikan Yayasan Terengganu yang boleh dipilih oleh pemohon iaitu :-

a) Pusat Pendidikan Yayasan Terengganu Kuala Berang

Alamat: Blok D/7 Tingkat Bawah
Bangunan Pusat Dagangan Ajil (ATC)
21800 Ajil, Hulu Terengganu
Terengganu.

b) Pusat Pendidikan Yayasan Terengganu Besut

Alamat: Jalan Batu Tumbuh,
Kampung Gong Kepas,
22200 Besut, Terengganu.

Had umur : 17 hingga 25 tahun ke atas layak memohon

Kategori pelajar yang diterima masuk ke PPYT

- a) Pelajar yang mendapat keputusan yang kurang cemerlang dari sekolah asal, mereka diberi peluang untuk mengulang peperiksaan SPM dengan mod pembelajaran sepenuh masa.
- b) Pelajar lepasan sekolah pondok / madrasah yang tiada sijil SPM bagi membolehkan mereka di terima masuk ke universiti tempatan mahupun luar negara, mereka diberi peluang untuk mengambil peperiksaan SPM bagi memenuhi syarat kemasukan ke universiti dengan mod pembelajaran sepenuh masa di PPYT.

Mata Pelajaran bagi setiap aliran yang ditawarkan bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah sebagaimana berikut:-

| BIL. | MATA PELAJARAN TERAS | MATA PELAJARAN ELEKTIF BAGI ALIRAN SASTERA | MATA PELAJARAN ELEKTIF BAGI ALIRAN AGAMA |
|------|----------------------|--|--|
| 1 | Bahasa Melayu | Tassawur Islam | Bahasa Arab |
| 2 | Bahasa Inggeris | Geografi | Tassawur Islam |
| 3 | Sejarah | | Pendidikan Syariah Islamiah |
| 4 | Sains | | Pendidikan Al-Quran & As-Sunnah |
| 5 | Matematik | | |
| 6 | Pendidikan Islam | | |

NOTA : ***Pelajar boleh memilih beberapa mata pelajaran elektif namun tertakluk kepada pihak PPYT*
***Pelajar boleh menambah mata pelajaran yang tidak disediakan di PPYT secara persendirian bagi tujuan peperiksaan*

Sistem pembelajaran

Mengikut sukatan pelajaran dari Kementerian Pelajaran Malaysia, dimana cara pembelajaran dan peperiksaan yang diadakan adalah mengikut kalendar dari kementerian. Dikawal selia dan dipantau oleh Bahagian Pendidikan Swasta, Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu. Terdapat juga aktiviti kokurikulum untuk membantu pelajar memperoleh 10% markah ke universiti.

Program-program yang dijalankan sepanjang tahun adalah seperti berikut:-

- Teknik menjawab soalan
- Sambutan hari guru
- Latih tubi
- Kelas tambahan hujung minggu
- Program menyambut hari kebesaran
- Solat hajat

Infrastruktur/kemudahan yang terdapat di PPYT

- Wifi
- Kafeteria
- Pusat Sumber
- Asrama

Yuran

| BIL | Yuran | PELAJAR TERENGGANU | PELAJAR LUAR TERENGGANU | KEKERAPAN |
|-----|--------------------|--------------------|-------------------------|-----------|
| 1. | Yuran Pendaftaran | RM50.00 | RM100.00 | Tahunan |
| 2. | Yuran Sekolah | RM40.00 | RM80.00 | Bulanan |
| 3. | Dana Kecemerlangan | RM250.00 | RM250.00 | Tahunan |
| 4. | Yuran Asrama | RM 50 | RM50 | Bulanan |
| 5. | Lain-lain** | | | |

Nota : ***tertakluk kepada pihak PPYT masing-masing*

Rekod

- a) Penubuhan PPYT telah berjaya membantu pelajar yang terlibat mendapat keputusan yang lebih baik di dalam peperiksaan SPM bagi melayakkan mereka meneruskan ke peringkat seterusnya.
- b) Mengikut catatan rekod selama 5 tahun (2015 hingga 2019) seramai 50% pelajar-pelajar SPM dari PPYT telah berjaya memasuki IPTA dan IPTS.